

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sewaktu Sabah, Sarawak berserta Singapura dalam Malaysia, peruntukan 35% dari jumlah kesemua kerusi Parlimen diberi akan tetapi setelah Singapura keluar dari Malaysia keadaan ini berubah di mana kerusi untuk Singapura disalurkan ke Semenanjung Malaysia menyebabkan kerusi Sabah dan Sarawak tinggal 28% dan Semenanjung Malaysia naik 7% menjadi 72%, apakah langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan nisbah 35: 65 kembali dari jumlah kerusi 222 keseluruhannya.

**JAWAPAN : [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di Pertua,

Penetapan komposisi bilangan kerusi dalam Parlimen adalah tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan. Sebarang tambahan atau pengurangan bilangan kerusi akan melibatkan pindaan kepada Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan bagi komposisi Dewan Negara dan Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan bagi komposisi Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.